



**KETUA PENGARAH PENDIDIKAN MALAYSIA**  
*Director General of Education Malaysia*  
**ARAS 8, BLOK E8**  
*Level 8, Block E8*  
**KOMPLEKS KERAJAAN PARCEL E**  
*Government Complex Parcel E*  
**PUSAT PENTADBIRAN KERAJAAN PERSEKUTUAN**  
*Federal Government Administrative Centre*  
**62604 PUTRAJAYA**

Tel: 03-8884 6077  
Faks: 03-8889 4548  
Laman Web: [www.moe.gov.my](http://www.moe.gov.my)

Ruj. Kami : KPM.100-1/3/2 Jld. 9 ( 53 )  
Tarikh : 21 Ogos 2024

**Semua Ketua Bahagian  
Semua Pengarah Pendidikan Negeri**

YBhg. Datuk/Dato'/Datu/Dr./Tuan/Puan,

**PERINGATAN PEMATUHAN TERHADAP SURAT PEKELILING IKHTISAS KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA BILANGAN 3 TAHUN 2018 : PANDUAN PENYALURAN DAN PENERIMAAN SUMBANGAN DARIPADA SEKTOR SWASTA DAN BUKAN SWASTA KEPADA SEKOLAH KERAJAAN DAN SEKOLAH BANTUAN KERAJAAN KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA**

Dengan segala hormatnya saya merujuk perkara di atas.

2. Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) sentiasa menggalakkan pihak sekolah melaksanakan pelbagai program pembangunan pendidikan dengan pelibatan pihak luar termasuk pihak swasta seiring dengan dasar Sekolah Milik Masyarakat (SMM). KPM juga bertanggungjawab mendidik pengamalan nilai-nilai murni dalam kalangan murid dan melindungi kebajikan dan keselamatan mereka daripada segala bentuk pengaruh negatif.
3. Kementerian ini telah mengeluarkan Surat Pekeliling Ikhtisas Kementerian Pendidikan Malaysia Bilangan 3 Tahun 2018 : Panduan Penyaluran dan Penerimaan Sumbangan daripada Sektor Swasta dan Bukan Swasta kepada Sekolah Kerajaan dan Sekolah Bantuan Kerajaan Kementerian Pendidikan Malaysia bertarikh 29 Mac 2018. Surat pekeliling ikhtisas (SPI) tersebut menyediakan tatacara penyaluran, penerimaan dan pengurusan sumbangan daripada masyarakat termasuk pihak swasta kepada sekolah kerajaan dan sekolah bantuan kerajaan KPM. SPI ini turut melampirkan Garis Panduan Pelaksanaan Sekolah Milik Masyarakat, Garis Panduan Pelibatan Sektor Swasta dan Garis Panduan Penjanaan Dana Masyarakat atau *Crowdfunding* untuk rujukan semua pihak yang berkepentingan.

4. Mesyuarat Pengurusan Tertinggi Kementerian Pendidikan Malaysia Bilangan 11 Tahun 2024 bertarikh 24 Julai 2024 memutuskan supaya pengetua dan guru besar lebih sensitif terhadap penggunaan logo dan pihak luar yang menyampaikan sumbangan kepada sekolah masing-masing. Pengetua dan guru besar hendaklah mematuhi peraturan dan prosedur yang ditetapkan dalam SPI berkenaan.

5. Sehubungan dengan itu, YBhg. Datuk/Dato'/Datu/Dr./tuan/puan diminta untuk membuat peringatan kepada pengetua dan guru besar bawah pentadbiran YBhg. Datuk/Dato'/tuan/puan supaya mematuhi tatacara pelibatan dan sumbangan pihak luar berdasarkan peraturan yang sedang berkuatkuasa.


Kerjasama dan keprihatinan YBhg. Datuk/Dato'/Datu/Dr./tuan/puan terhadap perkara ini sangat dihargai.

Sekian, terima kasih.

**“MALAYSIA MADANI”**

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**

Saya yang menjalankan amanah,



(HAJI AZMAN BIN HAJI ADNAN)

s.k. 1. YB Menteri Pendidikan  
Kementerian Pendidikan Malaysia

2. YB Timbalan Menteri Pendidikan  
Kementerian Pendidikan Malaysia

3. Ketua Setiausaha  
Kementerian Pendidikan Malaysia

4. Semua Timbalan Ketua Setiausaha  
Kementerian Pendidikan Malaysia

5. Semua Timbalan Ketua Pengarah Pendidikan Malaysia  
Kementerian Pendidikan Malaysia
6. Penasihat Undang-Undang  
Kementerian Pendidikan Malaysia

/KPP/UPDP2/Ogos/2024